

MAHATHIR

1978
PARIT, 26 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI (DR.) MAHATHIR MOHAMED MENYERU SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DI NEGERI INI SUPAYA MEMUPUK SERTA MENGEKALKAN PERPADUAN SERTA KERJASAMA BAGI MENJAMIN KEJAYAAN BARISAN DALAM PILIHANRAYA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, SELAKU KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI PERAK JUGA MENGINGATKAN SEMUA PARTI YANG TERLIBAT SUPAYA SENTIASA BERWASPADA TERHADAP TINGKAH LAKU PARTI-PARTI PEMBANGKANG YANG BERUSAHA DAN Mencari PELUANG UNTUK MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN YANG SEDIA UJUD ITU.

BERUCAP KEPADA LEBIH 500 ORANG PEKERJA BARISAN NASIONAL BAGI KAWASAN BELANJA DI SINI MALAM TADI, BELIAU BERHARAP SEMUA AHLI UMNO AKAN BERUSAHA DAN MENGEMASKAN JENTERA PILIHANRAYA DI SAMPING MEMPUNYAI KEYAKINAN UNTUK KEJAYAAN.

+KITA TIDAK BOLEH BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA KEYAKINAN SAHAJA TANPA MEMBUAT SEBARANG USAHA YANG LEBIH BERKESAN LAGI,+ KATANYA.

— BERSAMBUNG 1155/SZ
MAHATHIR 2 PARIT

MENGENAI PARTI PEMBANGKANG DATUK SERI (DR.) MAHATHIR BERKATA, MEREKA TELAH MENJADIKAN PERKARA-PERKARA SENSITIF DAN PERKAUMAN UNTUK MEMANCING UNDI DARI ORANGRAMAI DALAM PILIHANRAYA KALI INI.

BELIAU MENEGASKAN HANYA BARISAN SAHAJA YANG DAPAT BERKHIDMAT SEPENUHNYA KEPADA RAKYAT DI SAMPING MEMBERIKAN BERBAGAI KEMUDAHAN DALAM PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN.

+PARTI-PARTI PEMBANGKANG HANYA SANGGUP MEMBUAT JANJI-JANJI MANIS TETAPI TIDAK ADA BUKTI MENUNJUKAN MEREKA ADA KEMAMPUAN UNTUK MENUNAIKANNYA,+ KATA DATUK SERI (DR.) MAHATHIR.

— BERSAMBUNG 1158/SZ
MAHATHIR 3 PARIT

+BARISAN AKAN TERUS MENGEKALKAN KHIDMATNYA UNTUK RAKYAT YANG BERBILANG KETURUNAN DI NEGARA INI JIKA DIBERI MANDAT SEKALI LAGI.+

MENURUTNYA, KEKALAHAN PAS DALAM PILIHANRAYA KELANTAN TELAH MEMBUKTIKAN ORANGRAMAI SUDAH SEDAR DAN TIDAK BERKEYAKINAN TERHADAP PARTI ITU.

UNTUK MENDAPATKAN KERUSI DALAM PILIHANRAYA INI DATUK HAJI MOHD ASRI HAJI MUDA TELAH BERPINDAH KE NEGERI KEDAH PULA DENGAN TUJUAN DAPAT MEMIKAT ORANGRAMAI DI NEGERI ITU.

+INI JUGA MENUNJUKKAN DATUK ASRI BUKAN LAGI BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT MALAH BERJUANG UNTUK MENDAPATKAN KERUSI DALAM PILIHANRAYA SEMATA-MATA,+ TAMBAH DATUK SERI (DR.) MAHATHIR.

SEMENTARA ITU DI BOTA, DATUK SERI (DR.) MAHATHIR MENJELASKAN LAGI KONSEP PARTI PAS YANG TELAH GAGAL UNTUK MEMBUKTIKAN PENUBUHAN SEBUAH NEGERI ISLAM DI NEGARA INI DI BAWAH PEMERINTAHANNYA DAN SEKARANG TELAH MENGAMBIL KESEMPATAN BEKERJASAMA DENGAN PARTI DAP DALAM PILIHANRAYA INI.

BELIAU YAKIN ORANGRAMAI KINI SUDAH SEDAR DENGAN TINDAK TANDUK YANG DILAKUKAN OLEH DATUK ASRI ITU.

TERDAHULU DARI ITU, DATUK SERI (DR.) MAHATHIR BERKATA PILIHANRAYA KALI INI DIADAKAN LEBIH AWAL DARI MASA-MASA YANG LALU DISEBABKAN KELUARNYA PARTI PAS DARI BARISAN.

+PAS YANG TELAH KELUAR ITU TELAH MENGAMBIL KESEMPATAN MEPERALATKAN AYAT-AYAT AL-QURAN UNTUK DIGUNAKAN DI DALAM MANIFESTONNYA SERTA MENJADIKAN ISU BUKU +MALAY DILEMMA+ UNTUK MEMIKAT ORANGRAMAI TERHADAPNYA,+ KATANYA. — BERNAMA 1200/SZ